

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian padankan idea utama dan idea sampingan yang tepat.

Semenjak dahulu lagi, sektor perikanan memberikan sumbangan yang amat besar terutamanya dalam bidang ekonomi. Kekayaan sumber akuatik ini merupakan pemberian alam yang tidak ternilai. Industri pertanian moden merupakan bidang yang membantu meningkatkan taraf hidup golongan penternak dan nelayan di samping mengurangkan kebergantungan import hasil laut daripada luar negara. Sektor pengeluaran makanan yang berasaskan sumber laut mampu menjana hasil yang lumayan serta mencetuskan entiti komersial yang maju, moden dan berdaya saing.

Sumber akuatik ini menyumbang kepada pemakanan, ekonomi dan kesejahteraan sosial rakyat. Hal ini demikian kerana sumber laut merupakan sumber protein yang paling penting kepada penduduk. Oleh itu, rakyat boleh mendapatkan sumber protein ini dengan harga yang berpatutan. Sektor perikanan negara juga menyumbang kepada pendapatan negara melalui hasil eksport sumber-sumber perikanan ke Singapura, Jepun dan Taiwan. Keadaan ini secara tidak langsung akan membuka peluang pekerjaan seperti nelayan, pekerja kilang pemprosesan bahan-bahan laut dan penyelidik. Taraf hidup rakyat akan semakin meningkat.

Sektor perikanan negara juga menggalakkan perkembangan industri yang berkaitan dengan ikan seperti pengetinan, memproses ikan kering, pembuatan bot, kilang ais dan sebagainya. Perkembangan ekonomi rakyat dapat ditingkatkan tanpa terlalu bergantung pada bantuan kerajaan. Teknologi awet beku juga berkembang selaras dengan peningkatan produk yang dihasilkan.

Sektor pelancongan turut menerima tempiasnya apabila industri pelancongan yang berkonsepkan inap desa semakin bercambah. Industri ini berkembang kerana aktiviti memancing dijadikan sebagai hobi oleh para penduduk. Inisiatif penyediaan inap desa berkonsepkan memancing dari rumah turut berjaya menarik minat pelancong.

Kesimpulannya, sektor perikanan merupakan sektor yang memberikan hasil yang lumayan kepada negara. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu membangunkan sektor ini dan memajukannya hingga ke persada dunia.

IDEA UTAMA

Menyumbang kepada pemakanan, ekonomi dan kesejahteraan sosial rakyat

Menyumbang kepada pendapatan negara melalui hasil eksport

Menggalakkan perkembangan industri yang berkaitan dengan ikan

Industri pelancongan yang berkonsepkan inap desa semakin bercambah

IDEA SAMPINGAN

Membuka peluang pekerjaan

Perkembangan ekonomi rakyat dapat ditingkatkan tanpa terlalu bergantung pada bantuan kerajaan

Sumber protein yang paling penting kepada penduduk

Aktiviti memancing dijadikan sebagai hobi oleh para penduduk